

Analisis Karakteristik Realisme Dalam antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” Karya Muhd. Mansur Abdullah
Characteristic analysis of realism in the short stories anthology of "Sewangi-Wangi Tulang" by Muhd. Mansur Abdullah

Roslan Chin
Pusat Pengajian Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
roslan.chin@usm.my

Received: 22 Mac 2021; Published: 20 May 2021

Chin, roslan. (2021). Analisis Karakteristik Realisme Dalam Antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” Karya Muhd. Mansur Abdullah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 17 - 29. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/140>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis karakteristik realisme dalam antologi cerpen karya Muhd. Mansur Abdullah. Antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” menaratifkan tentang kehidupan seorang pemilik anjing dengan anjingnya (Jantan) yang telah berusia tua dengan latar belakang kehidupan anjing tersebut dipinggirkan. Metod penelitian penulisan ini adalah menggunakan rekabentuk kualitatif dengan analisis deskriptif. Data penelitian penulisan ini ialah kata-kata, frasa, ayat dan wacana yang terdapat dalam cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”. Hasil penelitian ini menemukan dua tema iaitu gaya realis dan dimensi waktu dalam cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”. Gaya realis diungkapkan melalui usia muda dan usia tua iaitu lakaran fizikal dan pemikiran. Dalam usia muda di naratifkan melalui lakaran fizikal merangkumi kekuatan, ketangkasan, kebijakan dan keberanian. Pemikiran pula terangkum dalam mengenang budi, kebanggaan dan pengorbanan. Dalam usia tua, dinaratifkan melalui pemikiran taat setia dan lakaran fizikal yang jelek dan jijik, dihina, dicerna, dihalau, dipukul dan disiksa. Selanjutnya karakteristik realisme pengajaran adalah menghalang kemungkaran dan mengherdik orang kaya.

Kata kunci: Realisme, Realiti, Karakteristik, “Sewangi-Wangi Tulang”,

ABSTRACT

This research aims to analyze the characteristics of realism in the short stories anthology by Muhd. Mansur Abdullah. The anthology of "Sewangi-Wangi Tulang" narrates about the life of a dog owner with his dog (Jantan) who has grown old with the background of the dog's life is marginalized. The research method of this writing is to use qualitative design with descriptive analysis. The research data of this writing are the words, phrases, sentences and discourses found in the short story "Sewangi-Wangi Tulang". The results of this research found two themes, namely the realistic style and the dimension of time in the

short story "Sewangi-Wangi Tulang". Realist style is expressed through young age and old age i.e. physical and mental sketches. At a young age narrated through physical sketches include strength, agility, policy and courage. Thoughts are included in remembrance of kindness, pride and sacrifice. In old age, narrated through loyal thoughts and ugly and disgusting physical sketches, humiliated, ridiculed, chased away, beaten and tortured. Furthermore, the characteristic of teaching realism is to prevent wickedness and rebuke the rich.

Keywords: Realism; Reality; Characteristics; "Sewangi-Wangi Tulang";

PENGENALAN

Hasil penulisan karya kesusasteraan merupakan cerminan fenomena atau apa sahaja yang berlaku dalam masyarakat. Para sasterawan yang dalam pelbagai latar budaya kehidupan akan mengungkapkan permasalahan dalam masyarakatnya dalam bentuk penulisan. Seajarnya pengarang mengungkapkan permasalahan dalam masyarakatnya yang pengarang sendiri berada dalamnya. Karya sastra pada umumnya merupakan karya seni yang lahir daripada ekspresi pengarang itu sendiri melalui apa yang dilihat dan dirasainya dengan bermediumkan Bahasa. Bagaimanapun penulisan karya sastra yang dihasilkan oleh individu adalah bergantung kepada pengaruh aliran yang melatarbalakangi yakni dari segi seismografi kehidupan. Shahnnon Ahmad (1991) menjelaskan ‘seismograf’ bermaksud sejenis mesin yang mencatatkan perihal ‘gerak gempa’; satu bencana alam yang menakutkan, bezanya sastra memerihalkan tentang manusia, masyarakat malah lebih lagi dengan cuba menggambarkan, meniru dan yang paling utama menganalisis masyarakat itu sendiri. Mengukur segala gerak gempa bumi adalah dengan alat seismograf manakala sastra pula mencatatkan kesengsaraan, halangan dan rintangan sebagai ‘gerak gempa’ dalam kehidupan manusia. Maka segala permasalahan dalam kehidupan baik keperitan, konflik, penindasan, penganiayaan dan kezaliman, akan menjadi cetusan idea kepada penulis untuk diungkapkan kepada khalayak untuk difikirkan dan menjadi tauladan, pengajaran serta panduan kehidupan pada masa hadapan. Hal ini sejajar dengan pandangan Sahlan (2005) dan Abdul Halim (2006), kejayaan sesebuah karya sastra dapat dinilai daripada keupayaannya menjadi perantara sosial yang memungkinkan pemahaman dan penilaian semula nilai-nilai hidup.

Realisme ialah penulisan yang mengungkapkan kembali secara tepat dan benar kenyataan-kenyataan dalam kehidupan manusia Stanton (2007). Realisme mendeskripsikan fenomena kehidupan secara realiti dan konkrit. Pengarang dalam aliran realis akan mendapatkan gambaran yang sebenarnya dari kehidupan manusia dan menaratifikannya semula dalam karya-karya sastra dengan menggunakan metod induktif dan bersifat observatif. Pengarang memaparkan berbagai-bagai tingkah laku atau tindak tanduk manusia di persekitarannya, peristiwa-peristiwa yang terjadi dan alam di sekitarnya yang kemudian diramu sehingga tercipta dalam karya sastra.

Menurut Ungku Maimunah (2019) pada awalnya realisme pernah ‘berkhidmat’ untuk idealisme dengan cara memperakukan keyakinan idealisme, tetapi dalam perkembangan seterusnya realisme bangkit sebagai sebuah fahaman yang bertentangan dengan idealisme:

Realism is a critical term only by adoption from philosophy... because 'realism' has been distracted by the service of different philosophical masters...it originally served idealism, and was used to describe the scholastic doctrine that universals (justice, goodness, etc.) have a real existence, independent of the particular objects in which they are found. This was maintained in opposition to conceptualism (which held that universals existed only in the mind) and nominalism (which denied the existence of universals altogether: they were simply names)... It was in the eighteenth century...that realism assumed in philosophy the sharply different sense which was to have such a fatal-or at least confusing -attraction for writers, critics, and theorists in literature. Here it proclaimed that the objects of perception are objects, and have a real existence outside the perceiving mind; which idea was developed in opposition to all forms of idealism
(Grant, 1970)

Meninjau kembali latar belakang realisme, terminologi realisme adalah sebagai kritikan. Kemudian berubah dalam menyokong idealisme. Seterusnya realisme dimanfaatkan untuk doktrin keilmuan dalam konteks kesejagatan seperti kebaikan dan keadilan mempunyai kewujudan, bebas daripada objek yang mengongkongnya. Pada kurun ke-18, baharulah realisme dari sudut falsafah berlepas diri daripada idealisme dan mempunyai kewujudan di luar minda yang mempersepsikannya iaitu idea yang dikembangkan oleh sasterawan bertentangan dengan segala bentuk idealisme. Sehubungan dengan itu, adalah difahami bahawa realisme adalah bertentangan dengan idealisme dalam konteks realiti dan kebenaran. Idealisme lebih dominan terhadap intuisi intelektual atau ilmu metafizik terhadap sesuatu yang bersifat kesejagatan dan transenden. Susulan itu idealisme menolak kesahihan persepsi yang terhasil daripada rangsangan deria dan fizikal yang merupakan karakteristik realisme. Fahaman realisme dominan ke arah fizikal atau lahiriah yang dapat dialami oleh pancaindera. Selain itu, realisme juga merupakan suatu jelmaan modenisme yang banyak bergerak atas pengalaman sebenar masyarakat Eropah yang dilanda modenisme (Abdul Halim Ali, 2006).

Meneliti cerpen "Sewangi-Wangi Tulang" yang termuat dalam *Antologi Sewangi-Wangi Tulang* (1992) karya Mhd. Mansur Abdullah ternyata ianya proses berkarya yang cukup konsisten memperlihatkan indikator-indikator utama realisme dengan memaparkan segala ragam hidup manusia yang lupa kepada jasa sama ada orang tua mahupun haiwan. Namun apa yang menarik perhatian penulis terhadap "Sewangi-Wangi Tulang" adalah apabila manusia lupa kepada seekor haiwan yang telah tua, yang sebelumnya telah berjasa sehingga pemeliharanya telah berjaya dalam hidup dan kerjayanya. Objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis gaya realisme dan dimensi waktu dalam cerpen "Sewangi-Wangi Tulang".

Kajian yang memanfaatkan realisme dalam menganalisis karya sastera telah dijalankan oleh Masni Sri Ayu (2019) iaitu "Analisis Realisme dalam Novel *Huózhe* Karya Yu Hua". Kajian beliau bertujuan mendeskripsikan karakteristik atau ciri-ciri realisme yang terdapat dalam novel *Huózhe* Karya Yu Hua. Metod bagi menganalisis

novel tersebut adalah dengan menggunakan Teori Korespondensi dan Teori Koherensi. Kajian beliau menemukan lima karakteristik atau ciri-ciri realisme yang tergambar dalam novel *Huózhe* karya Yu Hua, yaitu menampilkan kebenaran dalam kehidupan, menampilkan karakter atau tokoh melalui gambaran yang tepat, kritikan sosial, dan bahasa yang jelas.

Ungku Maimunah dan Washima (2019) telah mengkaji tentang realisme berkaitan “Pemartabatan Realiti dan Realisme ke Status Konvensi Sastera dalam Kesusasteraan Melayu.” Penulisan tersebut membicarakan tentang sarjana Barat telah menobatkan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi sebagai bapa kesusasteraan Melayu moden dengan hujah bahawa tulisan Abdullah berlegar pada realiti kehidupan seharian masyarakat pada zaman tersebut. Bertitik tolak dari penobatan tersebut dunia kesusasteraan Melayu menerima kamasukan idea realiti dan realisme sebagai satu fahaman tentang aliran realisme. Hasil daripada kajian, Ungku Maimunah dan Washima menemukan penghujahan bahawa kelanjutan pemanfaatan realisme dalam kalangan penulis kreatif dan pengkritik dengan mudah menjadikan realisme sebagai konvensi sastera yang sah, wajar dimanfaatkan dan terjamin daripada sanggahan dan pertikaian.

Walaupun sudah mencapai tahap konvensi sastera, realisme dipertikaikan oleh Gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan yang membezakan antara cerita dengan ilmu, memberi prioriti kepada ilmu yang benar, menolak kebobrokan sebagai tumpuan naratif, mengetengahkan watak besar sebagai saluran idea yang bernas dan bermakna, serta menggunakan bahasa tinggi dan indah sebagai manifestasi seni.

METODOLOGI

Metod penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data adalah bersumberkan pada kandungan teks dalam cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”. Kaedah analisis kandungan dimanfaatkan dalam kajian ini adalah di atas beberapa kelebihan (Palmquist, 1980; Abdul Halim Ali, 2010) iaitu (a) melihat secara langsung pada perhubungan menerusi teks dan seterusnya dapat sampai pada aspek tumpuan dalam perhubungan sosial. (b) dapat memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernilai melewati masa teks-teks yang dikaji. (c) memberi ruang paling dekat dan hampir penulis dengan teks. (d) boleh digunakan bagi menginterpertasi teks bagi tujuan perkembangan kepakaran. Data penelitian penulisan ini ialah kata-kata, frasa, ayat dan wacana yang terdapat dalam cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”. Data daripada teks diolah, diringkaskan, dikritik, dibandingkan dan diambil kesimpulan-kesimpulan melalui rumusan diduktif. Seterusnya dibuat senarai semak dan dihuraikan melalui kaedah deskriptif.

Realisme adalah aliran dalam kesusasteraan yang melukiskan suatu keadaan atau kenyataan secara sesungguhnya (real). Realisme bererti kepatuhan kepada fakta dan apa yang terjadi, bukan kepada apa yang diharapkan ataupun diinginkan (Masni Sri Ayu, 2019). Aliran realis ini berusaha menggambarkan kehidupan dengan kejujuran yang sempurna dan berobjektif. Analoginya seperti cermin yang memantulkan realiti kehidupan. Sehingga khalayak pembaca seolah-olah melihat kenyataan tersebut seperti

berlaku di hadapan mata. Realisme merupakan aliran yang muncul pada abad ke-18. Berkembang pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Aliran realis ini menentang romantisme yang dianggap cengeng dan berlebih-lebihan. Gustave Flaubert (1821-1889) dari Perancis dianggap sebagai tokoh yang mencetuskan aliran realisme. Fahaman romantisme menekankan terhadap ungkapan perasaan sebagai asas cetusan pemikiran pengarang. Romantisme berdaya usaha untuk membangkitkan atau sekurang-kurangnya membuat emosi khalayak pembaca tersentuh. Manakala melalui ungkapan adalah dengan menggunakan kata-kata atau bahasa-bahasa yang indah-indah dan sesempurnanya untuk mewujudkan pemikiran. Sementara para pengkarya realisme pula mengungkapkan fenomena yang nyata, yang pernah berlaku dan bukan imaginasi semata-mata.

Asasnya realisme dimulai dengan pandangan bahawa semua karya sastera adalah ‘cerminan kenyataan,’ dan bahawa sastera akan menjadi cermin yang paling setia bila sepenuhnya mencerminkan permasalahan dalam masyarakat. Dalam praktiknya, penulis yang menganuti aliran realisme harus memperlihatkan suatu gambaran tentang struktur masyarakat dan arah evolusinya pada masa hadapan. Georg Lukacs (1885- 971) membuat tanggapan bahawa realisme merangkumi: (a) sebagai sebuah gambaran objektif realiti sosial pada zaman tertentu, (b) konsep-konsep yang lebih beragam, memberi makna yang lebih spesifik berkaitan tentang penggambaran struktur sosial dan kecenderungannya pada masa hadapan (Masni Sri Ayu, 2019).

Dalam penulisan ini, penulis memanfaatkan pemikiran Georg Lukacs untuk menganalisis cerpen “Sewangi-Wangi Tulang,” karya Muhd. Mansur Abdullah yang merupakan sebahagian dari keragaman dalam masyarakat. Dalam analisis juga akan tampak bahawa realisme yang hadir dalam cerpen tersebut bersifat sangat dinamis. Bagaimana penulis cerpen tersebut menterjemahkan realisme tidak hanya dalam konteks karyanya, tetapi juga dalam konteks situasi masyarakat di negara ini dan dalam masyarakat di lain-lain negara juga. Hal ini terjadi kerana masyarakat yang terangkumnya manusia mempunyai sifat yang inginkan kepada material dan mempedulikan kerohanian dan kemusiaan. Kreativiti dan kekritisannya Muhd. Mansur Abdullah jelas terkesan sehingga kita dapat menyaksikan keragaman lain yang menambah panjangnya karakteristik realisme.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada penelitian pengkaji, didapati cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” yang dihasilkan oleh Muhd. Mansur Abdullah adalah dominan dengan aliran realis. Untuk membicarakan pemikiran Muhd. Mansur Abdullah dalam karya beliau khususnya cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”, maka pengkaji mengklasifikasikan perbicaraan berdasarkan rajah berikut:

Rajah 1.0

Klasifikasi gaya realis dan dimensi waktu dalam cerpen *Sewangi-Wangi Tulang*

Cerpen	Gaya Realis	Dimensi Waktu
“Sewangi-Wangi Tulang”	Fizikal	Usia muda dan tua

Dari segi gaya realis, penyelidik dapati pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” gemar memperincikan fizikal dari segi kekuatan, kecerdasan, kepintaran, kepantasan, keberanian dan juga kelemahan, keburukan, kedaifan, kecederaan dan sebagainya pada watak seekor anjing (Jantan). Bagaimanapun kerincian yang menjadi gaya realis dinaratifkan kepada dua dimensi waktu. Iaitu waktu anjing pada usia muda dan pada waktu anjing usia tua. Selain daripada itu, dominan realisme dalam “Sewangi-Wangi Tulang”, adalah berobjektif. Antaranya adalah untuk menyampaikan mesej dan pengajaran melalui mengkritik akhlak orang kaya yang lupa diri, melakukan kemaksiatan dan kesombongan. Ditambah dengan ketidakperikemanusiaan dan ketidakperikebinatangan.

Satu daripada karakteristik realisme ialah menaratifkan fizikal manusia, haiwan atau atau apa sahaja makhluk yang bernyawa. “Sesiapa pun akan benci dengan seekor anjing. Apatah lagi anjing yang sudah luka kepala. Sudah menanah dan sudah nampak tengkorak” (Muhd. Mansur, 1992). Petikan tersebut merupakan bahagian permulaan cerpen “Sewangi-Wangi Tulang”. Ada rincian dalam petikan di atas. Walaupun ringkas, ayat kedua dan ketiga seperti potret yang dibangunkan melalui perasaan penulisnya. Bermula dengan luka kepala+menanah+ nampak tengkorak. Sudah memberi cerminan bahawa situasi seekor anjing tua yang cedera, tiada rawatan, terbiar dan gambaran manusia mahu menjauhinya. Selanjutnya penulis membicarakan gaya realis mengikut dimensi waktu dengan huraian karakteristik realisme yang berobjektif.

USIA MUDA

Kekuatan Fizikal, Ketangkasan, Kebijakan dan Keberanian

Ketika usia muda anjing peliharaan Datuk Senali diberi latihan:

... aku menerima latihan-latihan fizikal yang kukira manusia sendiri tidak sanggup melaksanakannya. Aku dilatih pagi dan petang. Kadang-kadang malam juga. Kayu yang dibaling jauh-jauh itu dikerahnya supaya aku memungutnya. Mahu tidak mahu kupungut juga dengan gigi dan mulutku. Kalau setakat di daratan sahaja, aku langsung tidak pelik. Tetapi ada kalanya aku terpaksa meranduk paya, redah sungai dan laut juga. Entah buaya, entah ular sawa, entahkan lelabi di dalamnya bertapa, aku renang juga demi menyukakan hati tuan aku itu.

(Muhd. Mansur, 1992)

Berdasar petikan di atas, ada perincian dalam pengulangan unsur alam iaitu “meranduk paya, redah sungai dan laut juga.” Dan juga perincian dalam pengulangan nama haiwan iaitu “Entah buaya, entah ular sawa, entahkan lelabi di dalamnya.” Pengulangan unsur alam dan pengulangan haiwan yang boleh memudaratkan sesiapa sahaja yang bertembung dengan haiwan ganas dan berbisa tersebut merupakan per lukisan oleh penulis “Sewangi-Wangi Tulang” tentang kekuatan fizikal, keberanian, ketangkasan, kecerdasan, kesetiaan dan pengorbanan anjing tersebut terhadap tuannya iaitu Datuk Senali. Sementara kesayangan tuan kepada anjingnya digambarkan melalui “... kerana itu

daging, telur dan macam-macam makanan yang dahulunya tidak pernah tergambar dalam kepala otakku, dapat kunikmati.” Manakala kebijakan anjing diberi gambaran melalui “... aku menghidu bau. Bau manusia, bau binatang-binatang, termasuk juga mengesan jejak-jejak harimau, beruang, badak dan babi hutan.” Walaupun perincian di atas sekadar menyenaraikan kelompok unsur tertentu, namun dengan penyusunan unsur alam, haiwan, makanan, dan deria, membolehkan sebuah gambaran yang jelas untuk difahami khalayak pembaca terhadap perilaku watak yang digunakan pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” bagi melangsungkan kekesanan kepada khalayak pembaca.

Mengenang Budi

Peristiwa Jantan (anjing peliharaan Datuk Senali) yang diselamatkan daripada dibunuh oleh harimau menyebabkan Jantan terhutang budi pada tuannya Datuk Senali. Dalam perbincangan pada hari tua, peristiwa diselamatkan tuannya tetap dikenang. Petikan berikut merupakan gambaran bagaimana penulis “Sewangi-Wangi Tulang” merincikan naratifnya tentang mengenang budi:

Masih terpahat di kepalaku suatu ingatan lama. Seolah-olah ingatan itu sudah termeterai kemas tidak akan lekang-lekang. Peristiwa ngeri itu berlaku semasa aku terhidu mengesan jejak harimau. Tiba-tiba aku diterkam dari belakang. Dengan kepantasan dan kecekapanku aku bisa mengelak daripada disiat oleh Pak Belang. Akhirnya aku terpaksa melolong minta tolong. Dan dengan kepantasan Datuk Senalilah, Pak Belang tersungkur menyembah bumi. Sejak itu aku terasa terhutang nyawa kepada tuan aku itu.

(Muhd. Mansur, 1992)

Fenomena terhutang nyawa merupakan satu tahap pengakhiran bagi makhluk yang bernyawa. Itulah sebabnya, walaupun dihina, dipukul, dicerca, dimaki dan dihalau, tetapi kesetiannya kepada tuannya dan alam sekitar tempat tinggalnya tetap tidak berbelah bahagi. Pada bahagian akhir cerpen digambarkan pendirian dan ketetapan hatinya. Situasi tersebut dianalogi dengan manusia dalam mempertahankan hak: “Kalau apa pun akan terjadi kepada diriku biarlah. Aku rela. Aku bersedia. Namun untuk aku meninggalkan rumah batu ini tidak sekali-kali, kerana cintaku sudah bersemadi dengan alam keliling rumah batu dua tingkat ini” (Muhd. Mansur, 1992:108).

Kebanggaan

Watak Jantan juga dinaratifkan melalui kebanggaan oleh tuannya, Datuk Senali. Sesiapa sahaja diceritakan tentang ketangkasan, kecekapan dan keistimewaan anjing peliharaannya seperti dalam petikan berikut:

... Datuk Senali bermegah. Tiap orang yang datang ke rumahnya, tiap rakan-rakan seburuanmya, para menteri dan diplomat semua diberitahunya tentang keberanianku, kecekapanku, malah ketangkasku juga.

Dan Datuk Senali mulai mengenali orang besar. Berdampingan dengan Datuk dan Tengku. Berjinak-jinak dengan tauke-tauke, hartawan-hartawan dan jutawan.

(Muhd. Mansur, 1992)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” mempergunakan watak Jantan bagi menghubungkan Datak Senali dengan usahawan, tauke dan jutawan. Keistimewaan yang ada pada anjingnya telah memperkenalkan beliau kepada pihak yang membolehkan Datuk Senali meningkat dalam perniagaannya.

Pengorbanan

Seterusnya pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” menaratifkan pengorbanan watak Jantan untuk taat kepada tuannya Datuk Senali walaupun dirinya terkorban. Petikan berikut merupakan gambaran kepatuhan dan pengorbanan watak Jantan, seekor anjing dalam menabur jasa dan bakti kepada tuannya.

Akhirnya tuanku berhenti kerja. Dia buka perniagaan sendiri. Dan setiap minggu dia mempelawa aku ke pesta mereka dalam hutan. Mahu tidak mahu, aku terpaksa juga memenuhkan hajatnya, sekalipun upah yang kuterima itu tidak setimpal dengan usaha dan tenaga yang kusumbangkan. Namun demi menjaga nama baiknya di kalangan para sahabatnya orang-orang ternama itu, aku terpaksa bekerja keras seolah-olah mahu bunuh diri sendiri.

(Muhd. Mansur, 1992)

USIA TUA

Taat Setia

Seperti pekerja kepada majikan, taat setia seorang askar pangkat bawahan terhadap ketuanya, walau ada senjata tetap patuh pada kata-kata dan perlakuan tuannya. Begitu juga penulis “Sewangi-Wangi Tulang” memberi gambaran walau seekor anjing yang mempunyai peluang untuk mencederakan anak tuannya juga tidak dilakukan. Kesempatan ini digambarkan melalui:

Kadang-kadang timbul juga keinginanku untuk memprotes. Rasa mahu juga aku membaham paha kental anak tuan aku itu. Tetapi aku tidak tergamak melakukannya. Aku masih hormat kepada tuanku. Aku masih terhutang budi dan nyawa kepadanya. Tambahan aku sudah menjayakan khidmatku lebih 15 tahun terhadap Datuk Senali, Pengarah Syarikat Jono Enterprise itu.

(Muhd. Mansur, 1992)

Kejelekan Fizikal

Kejelekan fizikal watak anjing dalam “Sewangi-Wangi Tulang” merupakan aspek yang paling dominan dalam memenuhi pegangan aliran realisme. Contohnya bermula dengan luka kepala+menanah+nampak tengkorak seperti dalam petikan berikut “Apatah lagi anjing yang sudah luka kepala. Sudah menanah dan sudah nampak tengkorak” (Muhd. Mansur, 1992).

Manakala gambaran ketuaan merupakan antara gaya realis yang banyak diungkapkan oleh pengarang “Sewangi-Wangi Tulang”. Sebagai contoh “Sekarang aku sudah tua. Sudah kecut segala-galanya. Sudah ketar. Bulu-buluku tercabut. Kurap bertompok-tompok di seluruh bahagian tubuhku. Paling menjijikkan orang-orang rumah ini ialah kadang-kadang lalat sengaja suka menghurung tokak di tengkukku” (Muhd. Mansur, 1992. Hal. 101). Frasa seperti “sudah tua,” “sudah kecut,” “sudah ketar” merupakan sebuah lukisan jasad yang telah lanjut usianya. Kemudian penulis “Sewangi-Wangi Tulang” melukiskan “bulu-buluku tercabut,” “kurap bertompok,” dan “lalat menghurung tokak di tengkuk.” Rincian perbicaraan watak anjing pada hari tua, diungkapkan lagi oleh penulis seperti dalam petikan berikut:

Aku meluru ke pintu pagar. Tetapi malang bagiku pagar yang bertutup pintunya itu kurempuh. Kulit bahagian belakang tengkukku carik terkoyak. Sejak itu kepalaku mulai luka. Jadi tokak. Kemudian pekung. Kesejukan malam, hari hujan menyebabkan lukaku makin sehari makin membesar. Menanah. Dan menjadi medan perjumpaan sekalian lalat.

(Muhd. Mansur, 1992)

Indikator daripada keadaan fizikal yang jelek dan jijik inilah pengkisahan yang berjaya diterapkan dalam cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” yang dominan dalam pembacaan melalui gaya realisme.

Dihina, dicerca, dihalau, dipukul, disiksa

Anjing sinonim dengan peribahasa Melayu yang dirujuk dengan sifat buruk. Umpamanya, bagai anjing “buruk kepala” iaitu orang jahat yang dibenci oleh masyarakat. Begitu juga dengan peribahasa-peribahasa seperti “bagai melepas anjing tersepit”, dan “bagai anjing menjelir lidah”. Sehubungan dengan itu, penulis “Sewangi-Wangi Tulang” secara realis memanfaatkan pandangan dan persepsi masyarakat terhadap anjing, khususnya anjing yang berpenyakit kurap, tua dan sebagainya. Beliau juga menyelitkan peribahasa dalam strategi melalui dialog menggunakan peribahasa iaitu “Buruk kepala,” seperti mana dalam petikan di bawah: “Hus! hus! Kau nak lari tak? Celaka punya anjing! Buruk kepala!” (Aku disumpah-seranah oleh anak-anak Datuk Senali. ... aku selalu dihambat. Dilempar batu. Aku cukup terseksa kini). “Sial betul,” (rungut anak bongsu Datuk Senali apabila aku cabut lari) (Muhd. Mansur, 1992).

Manakala petikan di bawah pula merupakan pengkisahan watak Jantan dihalau oleh anak tuannya kerana kejijikan badannya.

Tengoklah...sana sini bulunya sahaja. Lalat-Ialat pun semakin banyak sejak ia bertapa di sini. Cabuk-cabuk pun nak diam di sini juga. Berhambuslah jauh-jauh. Nak mampus pun mampuslah. Jauh dari sini. Binatang tak sedarkan diri sumpah anak Datuk Senali lagi. Aku dari jauh mengelip-ngelipkan mata sahaja mendengar sumpahnya itu.

(Muhd. Mansur, 1992)

Menghalang Kemungkar dan Mengherdik Orang Kaya

“Sewangi-Wangi Tulang” juga didapati mengkritik tingkah laku anak orang kaya yang membuat maksiat. Gambaran kehinaan perbuatan mungkar dilampiaskan melalui watak seekor anjing.

Malam itu aku melenguh kepiluan. Melenguh sepanjang yang terdaya olehku kerana kesedihan itu tidak dapat kubendung lagi. Rupanya keluhanku itu menaikkan kemarahan Khalid yang kebetulan malam itu sedang khusyuk bercengkerama dengan kekasihnya Susie Ng keturunan Nasrani itu. Aku direjamnya dengan batu. Dan aku dihambatnya.

Dendamnya bertapak dalam dada merangka yang penuh candu dadah dan ganja itu. Sedang enak-enak aku melelapkan mata tengah malam itu tiba-tiba badanku perit. Rupanya air panas dicurahkan ke kepalaku. Aku melenting kesakitan lalu melolong-lolong.

Padan muka kau. Kau sial mengacau program orang. Ha ... rasakanlah. Lain kali kacau lagi. Binatang sial. Peluang begini kau ingat mudah nak dapat ke?" luah Khalid dengan rasa marahnya.

(Muhd. Mansur, 1992)

Sementara herdikan terhadap kepura-puraan orang kaya, juga pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” melampiaskan melalui watak anjing. Contoh petikan:

"Kau harus berani menghadapi kenyataan Jantan!" Datuk Senali berlalu, matanya merah dan mulai melelehkan air jernih. Sese kali dia mengesat natanya dengan sapu tangan yang dikeluarkannya dari saku seluarnya.

"Ah... tangisan pura-pura," desak hati kecilku tiba-tiba."Agaknya semua orang-orang besar ini pandai memainkan peranan air mata untuk memujuk orang supaya mempercayainya. (Muhd. Mansur, 1992)

Dalam dua petikan di atas, merupakan gambaran tingkah laku dua watak bapa dan anak yang dilampiaskan oleh pengarang “Sewangi-Wangi Tulang” melalui watak anjing yang bernama Jantan. Hal ini merupakan karakteristik realisme dan kritikan kepada golongan “orang besar” disampaikan melalui watak anjing.

Kematian

Mati adalah pengakhiran hidup di dunia. Sememang semua manusia akan berakhir dengan kematian apabila jantung berhenti berdegup dan nyawa dicabut dari jasadnya. Penulis “Sewangi-Wangi Tulang” memanfaatkan realiti kehidupan dunia sebenar dalam bahagian akhir penceritaan melalui ingatan kematian. Dan naratifnya melalui melalui daya fikir watak seekor anjing tua seperti dalam petikan: “Daripada aku mati terbelinggang di tengah jalan, dilanggar lori, dilanggar kereta atau dibaham oleh anjing-anjing lain, biarlah aku mati disini. Mati kena tembak! Mati secara berani. Mati sebagai pemburu profesional” (Muhd. Mansur, 1992).

Secara realitinya, anjing mengenali tuannya serta mengenali alam sekelilingnya. Hal ini merupakan karakteristik alam sekeliling yang dilampiaskan kepada haiwan. Sementara cara mati pula dinaratifkan dalam realiti di mana fenomena anjing mati di sekeliling kita seperti “... mati terbelinggang di tengah jalan, dilanggar lori, dilanggar kereta atau dibaham oleh anjing-anjing lain, ... Mati kena tembak!” Pada pengkisahan hari tua watak Jantan, “Walau aku tidak takut mati,” namun ada penyesalan dilampirkan melalui kata-kata, “Sepatutnya aku mati dibaham Pak Belang sejak lapan tahun dulu.” Kekesalannya kerana dia tahu bahawa nyawanya berada dihujung senapang tuannya iaitu “Aku tahu, senapang Menchester laras dua Datuk Senali itulah yang akan menceraikan nyawaku daripada badan.” Pengajaran juga merupakan karakteristik realisme melalui pengkisahan watak Jantan yang memaparkan kekesalan tingkah laku manusia yang sombong, lupa diri bahawa ada Yang Maha Berkuasa. Ani (2014), dengan merujuk “Gurindam Fasal yang Kelima” karya Raja Ali Haji menyatakan untuk mengenal orang berbangsa lihat kepada “budi dan bahasa, jika hendak mengenal orang bahagia sangat memeliharakan yang sia-sia, jika hendak mengenal orang mulia lihatlah kepada kelakuan dia, jika hendak mengenal orang yang berilmu bertanya dan belajar tiadalah jemu, jika hendak mengenal orang yang berakal di dalam dunia mengambil bekal, jika hendak mengenal orang yang baik perangai lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.”

Demikian juga seperti ditegaskan oleh Zaidi Ahmad, *et al.* (2020) bahawa manusia yang bermanfaat ialah manusia yang boleh membawa kebaikan kepada kehidupan dan membangunkan modal insan.

RUMUSAN

Antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” menghimpunkan 18 buah cerpen karya Muhd. Mansur Abdullah, seorang penulis yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan tanah air. Muhd. Mansur Abdullah berjaya menyelami hati dan perasaan orang tua yang selalu dilupakan jasa-jasanya oleh generasi yang lebih kemudian. Judul “Sewangi-Wangi Tulang” memang sesuai untuk antologi ini yang menggambarkan bahawa sewangi-wangi tulang itu akhirnya dibuang juga. Tema-tema seperti inilah yang menjadi tumpuan penulis dalam karya-karyanya semasa masa dan fenomena masyarakat dalam keberadaannya, sepertimana yang dibuktikan dalam kajian Ghazali Din *et al* (2020), yang mengkaji karya-karya sasterawan negara, Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018) yang mengkaji cerpen-cerpen Aminah Mokhtar, dan Osman Ayob *et al.* (2020) yang mengkaji cerpen-

cerpen terpilih Rejab F.I. Perubahan masyarakat daripada tradisi kepada moden telah mengubah nilai dan norma hidup. Lalu generasi muda yang hidup dalam persekitaran yang berbeza tidak dapat melayani kehendak generasi ibu bapa mereka seperti yang diharapkan. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa berasa seperti tidak dipedulikan. Maka antologi “Sewangi-Wangi Tulang” merupakan analogi kepada jasa yang telah ditaburkan, tetapi tidak diendahkan apabila telah mencapai kejayaan dan kemahsyuran. Maka betullah kata-kata Muhd. Mansur Abdullah “sewangi-wangi tulang, seputih-putih tulang dibuang juga oleh manusia akhirnya.”

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2010). Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan Analisis Terhadap Karya-Karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah. *Tesis Ph.D.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Halim Ali. (2006). *Mendekati puisi Melayu tradisional*. Tanjong Malim: Penerbit Profesional Baharu
- Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjong Malim: Penerbit Profesional Baharu
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ Karya Aminah, *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 147-161. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>
- Ani Haji Omar. (2014). Adab dan Perlakuan dalam Wajah Seorang Wanita Serta Kaitannya dengan Syair Siti Sianah. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. Jilid 2/Jan/, 108-128. ISSN:2289-5000.
- Ayob, O., Chin, R., & Raja Hassan, T. R. (2020). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/131>
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Grant, D. (1970). *Realism*. London: Methuen.
- Kasim Razali. (1999). *Aliran-Aliran Karya Sastra: Realisme, Naturalisme, Simbolisme, Dadanisme / Surrealisme*. Medan. USU Press.
- Masni Sri Ayu. (2019). Analisis Resalisme Dalam Novel Huozhe Karya Yuhua. *Tesis Sarjana*. Universiti Sumatera Utara, Medan, Indonesia.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1992). *Kumpulan Cerpen Sewangi-Wangi Tulang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmquist, M. (1980). *Content Analysis*. <http://www.gsls.utexas.edu>
- Shahnon Ahmad (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Sahlan Mohd Saman (2005). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stanton, R. 2007. *Teori Fiksi Robert Stanton*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Washima Che Dan. (2019). Pemartabatan ‘Realiti’ dan ‘Realisme’ ke Status Konvensi Sastera dalam Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 2, Issue 2: 109-136. [http:// www. bitarajournal.com](http://www.bitarajournal.com)